Refleksi Anak Muda

Umar Zakir Abdul Hamid

REFLEKSI ANAK MUDA

Penerbitan Sulung oleh Penulis Blog Pena Maya ini merupakan satu usaha kecil untuk memperbanyakkan bahan bacaan dengan tema "*Kembali Kepada Maha Pencipta"*.Sasaran utama Penulisan adalah Golongan Muda Islam Urban yang kebanyakannya ingin kembali kepada jalan yang diredhai Allah SWT ini,tetapi masih teragak-agak untuk memulakan langkah.Diharapkan dengan Penulisan ini sedikit sebanyak dapat membuka pintu mereka-mereka yang dahagakan perubahan untuk berubah dan terus *istiqamah* dalam perubahan.*Insya-Allah*.

Kata-Kata Pengantar

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang.

Assalamualaikum.

Alhamdulillah,segala puji bagi Allah SWT,kerana dengan izin-Nya,Penerbitan *Refleksi Anak Muda* ini berjaya diterbitkan.

Sebenarnya,*Refleksi Anak Muda* bukanlah sebuah Penerbitan yang terdiri daripada Penulisan baru.Sebaliknya,ianya merupakan *Koleksi Penulisan Tidak Formal Terbaik Dari Blog Pena Maya*.

Ianya diterbitkan secara percuma kerana ini merupakan *Projek Percubaan* oleh Penulis dalam usaha menceburi bidang Penerbitan.Dan akibat kekangan waktu dan beberapa tanggungjawab lain yang dipikul Penulis,*Refleksi Anak Muda* hanya dapat diterbitkan dalam bentuk *E-Book*.

Tapi,pada *hemat* Penulis,ini sahajalah langkah yang paling *efisyen* lagi *rasional* yang dapat membolehkan Beliau menerbitkan *Refleksi Anak Muda* buat masa ini memandangkan *situasi* kehidupan Beliau yang agak sibuk dan padat dalam tempoh dua tiga tahun ini.

Kenapakah dikatakan langkah ini paling *efisyen* lagi *rasional*?

Pertama kerana ianya murah,cepat dan pantas untuk diterbitkan.Kedua,dapat disebarkan kepada orang ramai dengan lebih meluas.Ketiga dan yang terakhir,bukankah wujud Peribahasa *Urban "Barang free beb,siapa tak suka?".*

Sebagai seorang manusia biasa,Penulis sedar kelemahan dirinya,sekaligus menyeru Para Pembaca untuk memperbetulkan sebarang kelemahan dan kesilapan yang didapati dalam buku ini baik dari segi tatabahasa,susunan *teks* dan yang paling penting dari aspek pemahaman Penulis terhadap Islam itu sendiri.

Ketahuilah,Penulis hanya seorang hamba yang lemah kepada Maha Pencipta.Beliau tidak berlagak *hero* apabila mengambil keputusan menerbitkan buku ini.Sebaliknya,ditulis buku ini dengan harapan supaya ianya dapat membawa kebaikan kepada Umat Islam (*khususnya)* dan Umat Manusia (*umumnya*).

Selain itu,Penulis mengalu-alukan jika ada dari kalangan Pembaca yang berhajat untuk mencetak *Refleksi Anak Muda* ke dalam bentuk Buku yang sebenar (*Media Cetak*).

Ini kerana mungkin ada dalam kalangan Para Pembaca yang ingin mengedarkan Penulisan ini kepada Ahli Keluarga mereka yang tidak mempunyai *komputer*. Penulis amat faham tentang keadaan itu.

Tapi dengan satu syarat,percetakan itu nanti dilakukan bukannya untuk mengaut keuntungan kewangan atau keuntungan peribadi.Sebaliknya percetakan itu hanya dilakukan untuk manfaat Umat Islam.Dan diedarkan dengan percuma.

Jika tidak mampu mengedarkan Penerbitan ini dalam bentuk cetak secara percuma,edarkanlah sahaja *Refleksi Anak Muda* ini dalam bentuk asalnya,iaitu bentuk *E-Book.*

Banyak bukan sebenarnya cara untuk menyeru orang ramai kembali kepada jalan Allah SWT pada zaman ini?Tetapi,persoalannya kenapa seperti terlalu sedikit usaha yang dilakukan oleh kita Umat Islam?

Kita ramai.Tetapi,lemah.Kenapa?Ini perlu kita sama-sama renungkan.

Anak Muda dan Golongan Tua perlu berganding bahu untuk menyebarkan kembali Islam yang sebenar kepada seluruh umat manusia.Kerja keras perlu dilakukan.Rehat perlu dikurangkan.*Ego* perlu dibuang.Dan yang paling penting,diniatkan ikhlas kerana Allah SWT,untuk mencari keredhaan-Nya semata.

Jika diteliti *realiti* semasa yang melanda kita semua pada masa ini,hanya ada satu kunci penyelesaian bagi masalah-masalah ini sebenarnya.Apakah kunci penyelesaian itu?

Jawapannya mudah sahaja : "*Kembalilah kepada ajaran Islam yang sebenar.Bukannya Islam yang bersifat perkauman,bukan juga Islam yang bersifat Politik Kepentingan Peribadi,sebaliknya Islam yang berlandaskan Al-Quran dan As-Sunnah*".

Akhir kata,semoga usaha ini *diredhai Allah SWT*.Dan Penulis berdoa agar dijauhi daripada perasaan riak dan semoga kekal *istiqamah* di atas jalan ini.*Amin*.

Wallahualam.

Perhatian *: Semua Penulisan dan Gambar dalam Penerbitan ini adalah Karya Asli Penulis.*

PENULIS.

Umar Zakir Abdul Hamid

http://baikiminda.blogspot.com/

BANDARAYA SOVIET,15 JUN 2011.

Penghargaan Istimewa Kepada

- 2800075250
- Para Pembaca Setia Pena Maya
- Dan semua yang memberikan sokongan kepada Penulis selama tempoh penglibatan Penulis dalam bidang Penulisan ini.

SATU/I

Kita Masih Punya Peluang Untuk Kembali Ke Pangkal Jalan.Janganlah Sia-Siakannya Lagi.Marilah Berubah.Jangan Pernah Berputus Asa Dengan Rahmat Allah SWT.

kegelapan malam
mampu menukar kain yang putih
menjadi hitam

kegelapan malam
mampu membutakan mata si celik
lemas terkapai-kapai

tapi untuk setiap malam
ada siang yang datang menjelma
menukar gelita menjadi cerah gundana

untuk setiap malam
biar segelap mana
pasti ada cahaya di siang harinya

begitu juga hidup
kita sebagai manusia
hidup di dunia ini ada tanggungjawabnya

jangan sesekali memikirkan hidup ini percuma
ada tanggungjawab yang perlu dilaksana
sebagai hamba

tapi manusia
adat mana yang tidak melakukan kesilapan
silap hari pasti kita tersalah langkah juga

banyak yang berputus asa
tidak kembali
lenyap dalam sejarah dunia

tapi ketahuilah
Allah SWT Maha Penerima Taubat
bertaubatlah kita

bertaubatlah sementara masih ada masa
kerana cahaya itu sentiasa ada
biar segelap mana sekalipun jalan kita pernah lalui

bertaubatlah
jangan fikirkan kata orang lain
kerana kata-kata manusia bisa membunuh

ya Allah
ampunkanlah dosa-dosa kami
berikanlah petunjuk dan hidayah-Mu kepada kami

amin.

Amatlah rugi jika kita hidup dalam zaman yang penuh dengan peluang dan potensi untuk mencari Ilmu,tapi peluang itu disia-siakan begitu sahaja.

DUA/II

Orang Muda.

to be honest,
saya secara peribadi,
merasakan,
orang muda ada kuasa yang amat besar untuk mengubah dunia,
amat-amat besar,

tetapi jika,
ya,
jika dan hanya jika,
mereka berada dalam satu semangat dan pasukan yang kukuh,
serta tahu ke mana arah tuju,

jika mereka berada dalam posisi itu,
mereka akan mampu menggegarkan dunia,
ini bukan retorik,
saya tahu tentang ini,

sejarah juga membuktikan tentang perkara yang sama,
lihat sahaja Sejarah Islam sebagai contoh,
berapa ramai kisah orang muda yang membangkitkan Islam,
salahudin,fatih,ali etc,
semuanya orang muda,

malah Soekarno sendiri di rantau ini,
ada berkata tentang orang muda,
berikannya 10 orang pemuda,
nescaya dunia dapat digegarkannya,
lebih kurang begitu quote dari Beliau,
nampak seperti jenaka,
tidak,
tidak jenaka,

kerana apa?
kerana orang muda ini darahnya muda,
semangatnya tinggi,
otak mereka geliga,
mereka tahu selok-belok zaman ini,
kerana mereka asalnya dari zaman ini,
ini zaman mereka,
bukan zaman generasi terdahulu,

dengan semangat dan tenaga yang tinggi ini,
serta kerajinan tanpa henti berusaha,
dunia pasti dapat digegarkan,
kerana satu orang pemuda,
bisa membawa pengaruh kepada seribu orang manusia,
atau mungkin berjuta,
itu sebagai contoh,

tapi malang,
pada hari ini,
kita lihat,
pemuda kita,
lemah,
kerana apa?
tiada ilmu,
tiada visi,
tiada pemikiran,
tiada semangat,
tiada jati diri,
tiada segala-galanya,
luaran mungkin kita hebat,
tapi dalam kita kosong,
saya katakan ini tentang pemuda-pemuda Islam kita,
kita dilekakan dengan dunia,
tapi hendak cakap sudut dunia kita hebat,
tidak juga,
turut sama lemah,
akibatnya boleh dikata,
dunia dan akhirat kita pada masa ini,
dua-duanya goyang,

tapi yang ironi,
di Barat,
dari sudut 'dunia',
cuba lihat,
dari sudut gelombang muzik mereka,
semuanya dikepalai oleh orang muda,
alex turner,pete doherty,carl barât,
just to name a few,
mereka itu semuanya arkitek neo-psychedelic era di Barat,
dan mereka itu semuanya bermula,

ketika muda,

apa yang hendak dikatakan di sini,
bukannya menyuruh kita mengikut apa yang mereka buat,
tapi cuba lihat semangat mereka,
mereka ada jati diri,
mereka ada keyakinan,
mereka ada semangat mengemukakan sesuatu yang baru,
dan yang patut dicontohi lagi adalah,
sikap golongan tua mereka yang memberi support,
kepada golongan muda ini,
untuk mengemukakan suatu idea yang baru,

ya,
itu yang kita kurang di dalam konteks masyarakat Islam,
kita orang muda mahukan perubahan,
kita mahu Islam tersebar dengan lebih jauh,
tapi apa sumbangan kita?
kita semua Internet-savvy,
tapi apa yang kita buat dengan menjadi Internet-savvy?

tapi,
berhati-hati juga,
jangan sampai melakukan pembaharuan dalam agama,
yang dimaksudkan dengan usaha orang muda di sini adalah,
satu gerakan oleh orang muda,
dengan semangat muda,
fahamkah?

berbalik kepada persoalan tadi,
apakah yang kita kurang itu?

satu,
kita kurang generasi muda yang optimis,
kita kurang generasi muda yang berani,
berani belajar,
berani dikritik,
berani berkorban,

tapi apa puncanya?
kerana apa berlakunya kekurangan ini?

tiada siapa boleh dipersalah sebenarnya,
tapi kita kena bangkit wahai orang muda,
jangan hanya tahu berkata-kata,
dalam dirimu,
ada potensi yang besar,
tapi gajah itu ditikuskan oleh orang yang tidak mahu kau bangun,

dan yang kedua pula,
kita kurang orang tua yang bersikap membantu,
ada,
mungkin ada,
tapi kebanyakan orang tua kita,
masih lagi sukar menerima perubahan,
ego dalam menerima kenyataan,
gerontokrat bak kata Sasterawan Negara,
enggan memberikan peluang kepada orang muda,
apabila sebut orang muda,
mereka fikir orang muda itu,
hanya perlu diberikan aktiviti hiburan,
bukan sesuatu yang berat,
bukan salah mereka juga,
jika mereka lihat generasi muda kita lemah,

tapi,
apa yang perlu kita ambil pengajaran di sini adalah,
orang muda perlu bangkit,
kerana apa?
kerana orang muda ada potensi yang besar,
di Barat,
mereka mengeksploitasi orang muda,
untuk kepentingan dunia,
dan dalam masa sama,
aura eksploitasi ini,
turut melanda orang muda kita,
tapi sayang,
kerana apa?
kerana orang muda kita bukannya bangkit sebagai pengeksploitasi,
sebaliknya orang muda kita dieksploitasi,
sehingga lupa akar umbi,

orang muda,

jangan jadi follower,
sebaliknya jadilah trendsetter,
dan ingat,
kita orang Islam,
hidup dunia bukan sasaran abadi,
tapi jadikannya sebagai perkakas,
untuk meraih kemenangan abadi di sana kelak,
dan untuk mencari sebanyaknya redha Allah SWT,

apakah kita tidak malu menjadi orang muda yang lembik,
lembik di sini bukan dari segi fizikal,
kerana ramai sebenarnya orang muda kita yang berbadan besar,
tapi lembik kerana tidak mampu berbuat apa-apa,

bangunlah orang muda,
bukan bangun memberontak kosong bajet otai,
tapi bangun menukar dunia kepada satu yang lebih baik,
dengan berilmiah,
dengan bertatasusila,
berlandaskan Islam,
berlandaskan Al-Quran dan As-Sunnah,

bangunlah dari tidurmu,
hayatilah kisah Ashaabul Kahfi dalam kitab Al-Quran itu,
dan laksanakanlah,
kerana kita orang muda ada tenaga,
apakah kita mahu mengharapkan orang tua sahaja?
nescaya tidak termampu,
kerana mereka banyak komitmen lain,

bangunlah,
jangan asyik mempersalahkan orang lain,
bangun bukan untuk memberontak mencetuskan huru-hara,
tapi bangun untuk mencari redha Allah SWT,
untuk membangkitkan Islam kembali,
faham?
ilmu perlu dicari untuk melaksanakan misi ini,
tidak cukup dengan semangat,
tapi semangat itu perlu,

bangunlah,

jangan menjadi tikus lagi,
janganlah terus tidur lagi,
janganlah terus bersikap aku-isme lagi,
niatkanlah kerana Allah SWT,

semoga Allah SWT mempermudahkan urusan kita,
dan semoga ini tidak menjadi hanya retorik kosong,
kepada yang membacanya,
dan sudah tentu kepada yang menulis,
semoga kita semua mendapat petunjuk dan hidayah-Nya,
dan diberikan kekuatan,
amin.

EGO

*[**Bukhari :: Book 6 :: Volume 60 :: Hadith 440**]*

*Narrated **Haritha bin Wahb Al-Khuzai** : I heard the Prophet (SAW) saying. "May I tell you of the people of Paradise? Every weak and poor obscure person whom the people look down upon but his oath is fulfilled by Allah when he takes an oath to do something. And may I inform you of the people of the Hell-Fire? They are all those violent, arrogant and stubborn people."*

TIGA/III

Ironi Orang Kita : Gadis,Jejaka Dan Kunci Perubahan (Sungguh Kita Dalam Kerugian).

gadis
lawamu bukan kerana tubuhmu
jelitamu bukan kerana rambutmu
cantikmu bukan kerana bibir muncungmu
bukan itu yang menjadi tarikan kepadamu
yup
tidak dinafikan
itu adalah bonus
blink-blink
mata lelaki mana yang tidak memandang
tapi pandangan hanya pandangan
pandangan yang hanya bersifatkan nafsu semata
pandangan yang penuh dengan propaganda
propaganda untuk merosakkan
tidak lebih daripada itu
ketahuilah
sukar mencari lelaki yang baik
adalah kerana kamu tidak berusaha merubah dirimu dahulu
jika kita tidak baik
bagaimana hendak mengharapkan yang baik
baik - luas definisinya
bukan semata hanya berkopiah atau berserban sahaja yang baik
kemungkinan yang memakai tee hitam kasabian itu
lebih baik dari yang berserban
tapi untuk mendapat yang baik itu
kenalah diri menjadi baik dahulu
menjadi baik - bukan retorik kosong
ianya memerlukan usaha
kau menayangkan dirimu di dada internet
tanpa segan silu
berposing sana sini
ada dua persoalan
soalannya begini
pertama - tahukah engkau berjuta mata sedang mengintip?
kedua - tidakkah kau kasihan akan bakal suamimu?

wanita,wanita
janganlah kau sia-siakan kecantikan
untuk sesuatu yang merugikan
ketahuilah engkau
yang membuatkan engkau lawa
yang sebenar-benarnya
adalah kerana
akhlakmu
imanmu
peribadimu
bukan kerana fizikalmu
fizikal itu bonus sahaja
tapi tidak lama
apa guna fizikal lawa
jika hati tidak tenang
berubahlah
lelaki dan jantan tidak sama
wanita dan betina juga tidak sama
jadilah seorang wanita
jika ingin mencari seorang lelaki

jejaka
apa khabar?
umurmu sudah tua
tapi kau masih merasakan kau masih muda
bergembira bergelak ketawa tidak henti-henti
bila engkau bersama rakan-rakanmu
engkau menggelarkan wanita sebagai chick
engkau hendak score mereka
di manakah adabmu
tidak marahkah engkau
jika ada seseorang
datang kepadamu
dan mengatakan perkara sebegitu
tentang ibu dan adik beradikmu
lelaki
hebatnya engkau bukan dengan baju ketat
hebatnya engkau bukan dengan lengan padat
ya
itu juga bonus bagimu

tapi lelaki itu tugasnya yang sebenar
adalah menjadi pemimpin
tapi bagaimana hendak menjadi pemimpin
jika otakmu sendat
kata-katamu kesat
bagaimana engkau hendak menjaga keluargamu
jika dirimu tidak terjaga
di manakah rasa tanggungjawabmu
bila beramai
engkau bising
tapi bila berseorangan
bila dipanggil menegak kebenaran
bila dipanggil mengalas tanggungjawab
engkau mengecut
yang lebih mengecewakan
kerana engkau bertolak-tolakan untuk menjadi imam
disuruh cari ilmu engkau malas
disuruh berdikari tidak mahu
yang engkau tahu hanya duduk berangan-angan kosong
dalam masa sama impikan wanita solehah

apakah wanita solehah itu wujud bagimu
dalam keadaan dirimu begitu
tidakkah engkau malu dengan dirimu
saban hari duduk di tepi jalan
membunuh masa
ketika orang lain menjalani hidup sebenar
apakah rakan-rakanmu itu dapat membelamu
di Hari yang Pasti itu
tidak
tidak sesekali

berubahlah
carilah sahabat yang boleh membimbing
bukan kawan yang sekadar bergelak ketawa
kuatnya seorang lelaki bukan kerana fizikalnya semata
sebaliknya kerana jiwa dan pendiriannya yang kuat
semangatnya yang tinggi
mindanya yang bersih
contohilah Baginda SAW

dan ingatlah
Allah SWT Maha Mengetahui
Dia Maha Melihat
Dia Maha Penerima Taubat
gadis-gadis itu bukan hak engkau untuk kau rosakkannya
apakah engkau tidak kasihankan bakal isterimu kelak?
apakah engkau rasa terlalu macho berwiwit kepada gadis sebegitu?
hormatilah mereka
jika mahukan mereka
jumpa Bapa mereka
"ala takutla bapak dia tak suka"
pastilah tidak suka kepadamu
jika engkau datang "kosong"
bukan kosong duit
sebaliknya peribadimu yang kosong
hendak something mesti ada effort
tiada effort
sorry tak dapat
ingatlah
jika kita berbadan besar
Alhamdulillah
tapi
janganlah otaknya kecil pula
berubahlah

manusia
kita katakan kita hendak keamanan
kita katakan kita hendak perubahan
kita katakan kita hendak keredhaan-Nya
tapi apakah semua itu boleh dikecapi
jika kita sendiri masih di takuk lama
ketahuilah
kejayaan tidak akan datang
kepada orang yang tidak mahu mencarinya

"Demi Masa!
Sesungguhnya manusia itu dalam kerugian - Kecuali orang-orang yang beriman dan beramal soleh, dan mereka pula berpesan-pesan dengan kebenaran serta berpesan-pesan dengan sabar". [**103:1-3**]

belief of the Heart, confession by the tongue,actions of the body

---

and that's what we call Iman/Eeman.

Apakah definisi Iman dan Islam bagi kita?Apakah sekadar identiti di Kad Pengenalan?Carilah ilmu,berubahlah.

EMPAT/IV

Maghrib Merah.

saban hari kita bekerja
mencari rezeki

kita belajar
mencari ilmu

waktu rehat tiba
kita salah gunakannya

angan-angan rehat bermanfaat
kebiasaannya berlalu begitu sahaja

ibarat siang
yang menjadi malam

senja
waktu yang menjadi pengantara

pantas
pantas masa berlalu

tapi masih
di mana ketabahan?

ketabahan ada
tapi perlu dipupuk

24/7 untuk dunia
bila masanya untuk bersedia?

tiada - jawapannya
jika kita terus leka

manusia manusia
kau selalu merungut engkau tidak cukup masa

tapi sedarkah bahawa masa itu ada
kau sahaja yang membunuhnya

kembalilah
harta dunia itu perlu

tapi bukan itu misi utama
bukan itu yang dicari

cukuplah sekadar
memenuhi keperluan

kembalilah bersujud
kepada-Nya

mintalah ampun kepada-Nya
sesungguhnya Dia Maha Penerima Taubat

jangan kau risau
harta itu tidak akan hilang

sebaliknya
ketahuilah

semakin bersyukur kita
semakin banyak yang diberi

insya-Allah
ikhlaskanlah hati

berubahlah sementara masih ada peluang
astaghfirullah

Dan (ingatlah) ketika Tuhan kamu memberitahu: "Demi sesungguhnya! Jika kamu bersyukur ***nescaya Aku akan tambahi nikmatKu kepada kamu****, dan demi sesungguhnya, jika kamu kufur ingkar sesungguhnya azabKu amatlah keras".* [**14:7**]



Hari semakin hari semakin pantas berlalu.Hidup kita semakin hampir kepada senja penamat itu.Senja penamat kehidupan dunia yang fana ini.Senja yang membawa kita ke Alam Kubur.Tiada lagi peluang untuk berbuat amal.Adakah kita masih mahu bertangguh?Apakah kita masih punya banyak masa?

LIMA/V

5 Pancaindera Yang Dikurniakan Allah SWT Kepada Kita Mesti Dimanfaatkan Ke Arah Kebaikan,Bukannya Ke Arah Belenggu Dosa.

kita manusia dianugerahi lima pancaindera

setiap darinya amat penting

untuk kehidupan

namun

boleh juga membawa dosa

dan pahala

lima pancaindera ini boleh menjadikan kita manusia

ataupun haiwan bertopengkan manusia

hanya kita sendiri bisa menentukan peranan mereka

di sini ingin disampaikan sedikit nasihat ringkas

yang boleh diguna

untuk memanfaat lima pancaindera ini

yang pertama adalah

telinga

kita hari ini

sudah diasuh dari kecil

dengan headphone , earphone dan sebagainya

dimomok-momokkan pula slogan "hidup tiada muzik,tiada life"

jadi

bermusiklah kita

di mana ada kesempatan

berdendanglah irama di telinga

ditambahkan kelazatan cerita

muncul pula pelbagai teknologi yang membolehkan teknologi 24 jam

mula-mulanya kelihatan canggih
tetapi lama kelamaan
kelihatan manusia menjadi hamba mesin

seperti robot juga ada

bukannya yang menulis ini orthodox
yang menulis ini malah dahulunya hebat juga

koleksi diskografi Oasis,Arctic Monkeys,The Strokes,Muse,Kings Of Leon dll

kesemuanya ada di dalam player beliau

lengkap

tidak cukup dengan itu

jika ada kesempatan

duit dan wang dilaburkan untuk membeli cakera padat

huh

sungguh hebat jika dilihat dengan sebelah mata

tetapi

setelah penulis ini tersedar

memikir kembali perbuatan

sebenarnya tiada satu gunanya pun

apa guna kita hidup mendengar muzik dan irama manusia 24 jam?
adakah itu tujuan kita diciptakan Maha Pencipta?

lagu-lagu itu tidak bisa menyelamatkan kita ketika saat ajal nanti

lagu-lagu itu hanya pelaguan lirik-lirik kosong orang biasa sahaja

tiada nilai spiritual

bagaimana hendak memanfaat telinga ini?
mungkin itu persoalan anda

caranya mudah

adalah lebih baik kita memasukkan koleksi ayat-ayat Al-Quran

dan tasbih-tasbih atau ceramah agama

sambil mendengar

sambil mengikut bertasbih dan membaca

pahala dapat

jiwa tenang

benar

kadangkala mengikut pengalaman dahulu

jika mendengar lagu itu terlalu lama

jiwa terasa seakan kosong

seakan suatu kehilangan

ya

musik memang memudaratkan jika ianya diguna melebih-lebih

jika sekadar sedikit

tidak mengapa (mungkin)

tetapi yang sedikit itulah yang biasanya membawa kepada melebih-lebih

lebih baik mendengar firman Maha Suci Allah

jiwa pasti tenteram

pancaindera kedua : ***mata***

adat pemuda

yakni belia

atau remaja

tahap ini

jiwa masih bergelora dengan gelodak nafsu

mata pasti meliar mencari wanita-wanita seksi

wiiwiit

tetapi jika difikir

sampai bila?

adakah kita hidup ini hanya untuk nafsu semata?
benarlah ada mendengar orang berkata

wanita jahil itu boleh menjadi punca lelaki hilang arah dan pedoman

wanita berilmu bisa membuat lelaki mengubah dunia

benar

pengalaman hidup merantau

di negara mat saleh orang kampung kata

penuh dengan gadis-gadis jelita

tetapi

jika difikir

kita hanya tertipu dengan godaan syaitan

pemerhatian yang terlalu lama terhadap gadis-gadis seksi atau wanita seksi

hanya membawa kepada lebih banyak dosa

porn,masturbation,adultery,dan pelbagai lagi perkara-perkara

yang hanya menghampirkan kita kepada zina

bagaimana memanfaatkan pancaindera ini?

tundukkanlah kepala ketika terlalu ramai gadis-gadis di sekeliling

tiada salahnya

dari mendatangkan bencana lain

bacalah banyak Al-Quran

bacalah banyak ilmu-ilmu bermanfaat

dari bermain game dan menonton films yang ada unsur ghairah

lagipun itu semua hasil karya manusia

fiksi sahaja bahasa pasarnya

bukan mengatakan diri ini sempurna

diri ini juga dahulunya kaki wayang

tetapi

kita perlu berubah

kita perlu sedar

kita ini berada di akhir zaman

Nabi SAW mengatakan

"jarak antara pengutusanku dan hari kiamat bagaikan dua jari ini"

jika lebih 1400 tahun dahulu sudah dua jari sahaja yang tinggal jaraknya

sekarang?
oh

sangat dekat lagilah

dan diingat

bertaubatlah sekarang

sebelum pintu taubat ditutup

pancaindera ketiga ***hidung***

tiada banyak idea untuk hidung ini

tetapi

yang paling penting

janganlah merokok

kerana saat anda merokok

anda telah merosakkan hidung anda dan hidung orang di sekeliling anda

sekaligus menjadikan anda pembunuh tidak sedar

ya

orang yang merokok pasti tidak akan mengiyakan kenyataan ini

sudah ketagih

apa boleh bicara

tetapi cubalah berubah

banyakkan doa

ingat

Allah pasti membantu

jangan hidup diperhambakan rokok najis

tiada guna amal ibadat jika masih bergelumang dengan najis itu

bagi pengusaha kedai

janganlah dijual rokok untuk mendapat keuntungan

apakah hukum anda mengaut keuntungan dari keseksaan perokok?
berdosa tahu

perokok,insaflah anda

sebelum makin terlewat

kemudian kita ada ***lidah***

lidah semua tahu

apa yang perlu dibuat oleh lidah?
lidah ini boleh menjadi punca dosa terbesar kita

makin banyak berkata

makin jelas kebodohan

jadi

apa langkah?

kurangkan berkata

banyakkan zikir istighfar

kurangkan juga mengumpat dan fitnah

jangan dikata saya bajet bagus

saya sedar saya merupakan kaki gosip dahulunya (dan mungkin sekarang?)

tetapi cuba berubah

tidak salah bukan?

dan kawal juga lidah anda

sebab lidah

silaturahim boleh terputus

dan

jika dilihat anak-anak muda sekarang

bermain games

pasti diselangi perkataan bodoh,babi ketika tewas dalam perlawanan itu

anda fikir

adakah logik jika kita terus bermain permainan itu?

kerana jika bermain

adalah mustahil untuk tidak mencarut

sudah resam manusia akan memaki hamun dalam keadaan luar sedar seperti itu

di sini dapat dilihat

permainan game secara obsesi hanya mengundang dosa secara tidak sedar

dan yang terakhir

kulit

ringkas sahaja

tetapi penting

tutuplah aurat

apa susah sangat tutup aurat

ada keinginan nescaya boleh

pakailah seperti yang dituntut Islam

tidak tahu bagaimana?
bacalah kitab-kitab agama dan rujuk para ahlinya

satu ayat untuk difikir

"barang baek,mesti la jaga baek kan? "

bukankah begitu?
anda fikirlah

lelaki juga sama

jaga aurat anda

jangan lalai ketika bersukan

kesimpulannya

semua bahagian badan kita ini

boleh mendatang baik atau buruk kepada kita

gunakanlah ianya sebaik mungkin

kerana pada saat anda sudah tidak bernyawa

setiap badan ini akan menjadi saksi perbuatan anda

bertaubatlah segera wahai diri sendiri dan juga saudara-saudara sekalian

sekadar mengambil ayat dari blog kenalan

"dota (video games) merupakan rekreasi minda

tetapi

bila dota dah menjadi perkara nombor satu dalam hidup

Allah nombor berapa?
kalau men"dota"kan diri lagi lama dari mengHAMBAkan diri
kita ni jadi HAMBA siapa??
so

biarlah dota sekadar rekreasi minda..
bukan perkara yg lebih atas daripada Allah..."

anda fikir-fikirkan

ayat di atas boleh diaplikasi juga dalam bidang lain

kita ini sudah di penghujung akhir zaman

berubahlah semua

gunakan anugerah Allah

dengan akal yang juga merupakan anugerah dari-Nya

sekian

harap artikel dapat difahami

semoga mendapat keberkatan Allah

amin.



Ada empat perkara jika sesiapa yang mempunyai empat perkara tersebut, maka dia merupakan orang munafik. Sesiapa yang bersifat dengan salah satu daripadanya bererti dia bersifat kemunafikan, sehinggalah dia meninggalkannya iaitu apabila bercakap dia berbohong, apabila membuat persetujuan dia mengkhianati, apabila berjanji dia menyalahi dan apabila berlaku pertikaian dia melampaui batas" [**Hadith Sahih Riwayat Muslim**]

OUTRO

Alhamdulillah.

Dengan izin Allah SWT saya dapat menyiapkan buku ini.

Sebenarnya tidaklah sesusah mana pun hendak membuat buku ini.

Mengambil masa beberapa jam sahaja.

Usaha ini kecil sahaja sebenarnya.Sepatutnya saya (dan anda) perlu membuat kerja (menyebarkan Islam/dakwah) dengan lebih bersungguh.

Ini kerana kita mendapat rezeki yang banyak daripada Allah SWT.

Tidak mahukah kita menjadi hamba yang bersyukur kepada-Nya?

Itu sahaja.

Semoga mendapat manfaat.Betulkan salah silap.

Berubahlah.Tiada siapa dapat mengubah diri kita jika kita tidak mahu mengubah diri kita.

Assalamualaikum dan Selamat Beramal.

P/S : Artikel terakhir itu ditulis oleh saya semasa saya baru-baru mendapat kesedaran hendak berubah.Berbeza bukan dengan penulisan saya yang sekarang?Ada sebab kenapa saya kongsikannya di sini.

PENULIS.

UmarZakirAbdulHamid

http://baikiminda.blogspot.com/

BANDARAYA SOVIET,15 JUN 2011.